

## LAPORAN PROGRAM GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN KAWASAN SEKITAR TAMAN KETOYONG DAN TAMAN JUTAJAYA TAHUN 2021

Tarikh : 28 September 2021  
Masa : 8.00 pagi hingga 11.30 pagi  
Lokasi : Hadapan Tadika Perpaduan Taman Ketoyong  
Kehadiran : Ahli Majlis Y.Bhg. Clr. Dr Rosli bin Mohd Saleh, Ahli Majlis Y.Bhg. Clr Dr. Sulaiman bin Sarkawi, PPKP Pn. Suzana bt Zainal Othman dan kakitangan Unit Kesihatan Am dan Bahagian Perkhidmatan Bandar MDTM, Kump. COMBI Daerah Muallim yang diketuai oleh Pn. Habibah bt Yaakob , Wakil PKD Daerah Muallim, Syarikat Puncak Emas Infrastruktur Sdn. Bhd, Kump. KRT Jalan Ketoyong dan penduduk setempat.

Jumlah penyertaan : 40 orang

Tujuan gotong-royong :

- Untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes kerana terdapat 13 bekas positif hasil pemeriksaan Pegawai Kesihatan PKD Muallim kerana telah menerima satu surat aduan komuniti untuk memohon semburan kabus di taman tersebut pada 13 September 2021.

### KEPUTUSAN

**Hasil Penyiasatan Entomologi dari Aktiviti Persampelan bekas-bekas berpotensi pembiakan Aedes** oleh pihak PKD Muallim, mereka dapati bahawa sebanyak **96** bekas berpotensi diperiksa di sekitar kawasan rumah pengadu dan sekitar dan **13** bekas pembiakan positif ditemui di dalam rumah pengadu dan sekitar Taman Ketoyong. Indeks bekas adalah **13.0%**. Pemerhatian mendapati risiko pembiakan nyamuk yang utama adalah longgokan bekas pembiakan nyamuk seperti tong cat, baldi tayar dan tangka septik. Gambar pembiakan positif, bekas-bekas pembiakan berpotensi yang perlu dimusnahkan atau diselenggarakan adalah seperti di jadual berikut :-

TARIKH	BIL. PREMIS DIPERIKSA	BIL.PREMIS POSITIF	BIL.BEKAS DIPERIKSA	BIL. BEKAS POSITIF	SPESES
23.9.2021	15	4	96	13	Aedes albopictus
	INDEKS PREMIS	$4/15 \times 100 = 26.7\%$	INDEKS BEKAS	$13/96 \times 100 = 13.5\%$	
		<b>JUMLAH</b>	<b>96</b>	<b>13</b>	

**Jadual 1:** Maklumat premis diperiksa, premis positif, bil.bekas diperiksa, bil. bekas positif dan spesies vektor yang telah dikenal pasti di Taman Ketoyong, Tanjung Malim.(A.i= 14.0%, B.i=28.6)

#### Lokasi terlibat

- + Taman Ketoyong
- + Taman Jutajaya

#### Peralatan gotong-royong

- + Setiap kumpulan dikehendaki membawa peralatan-peralatan yang disediakan oleh pihak penganjur program seperti plastik sampah, sarung tangan getah, cangkul longkang dan lain-lain.

#### Aktiviti

- + Pembahagian kumpulan dibahagikan kepada 2 kumpulan.
- + Penganjur program akan bertanggungjawab mengawal aktiviti program gotong-royong yang dijalankan.
- + Aktiviti gotong-royong dimulakan pada jam 8.30 pagi setelah selesai taklimat yang diberikan oleh wakil COMBI Daerah Muallim.
- + Gotong-royong dimulakan dengan aktiviti membersihkan dan mengutip sampah terbang yang dijumpai pada zon yang telah ditetapkan.
- + Staf Bahagian Perkhidmatan Bandar melakukan pembuangan sampah pukal berskala besar menggunakan 'backhoe'. Syarikat Puncak Emas melakukan pembuangan sampah sarap dari dalam longkang untuk pengaliran air yang lancar.

Lampiran bergambar : -

















